

Jenis Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 04/05/2026
Edisi / Muka Surat : Nasional / 15
Tajuk : Jualan MADANI Koperasi Dan Usahawan Ringan Beban Rakyat

Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan ringan beban rakyat



Sim bersama penerima Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah pada Program Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) di Butterworth, semalam.

(Foto BERNAMA)

Butterworth: Program Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) terus berkesan membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat dan merancang aktiviti perniagaan koperasi serta usahawan tempatan.

Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) akan terus menganjurkan program JMKU sepanjang tahun ini.

Menterinya, Steven Sim, berkata pihaknya menyasarkan untuk melaksanakan program itu dengan bantuan dan sokongan pelbagai agensi.

"Program JMKU tak ada tempoh tapi kita lihat kepada upaya kewangan juga sebab harga produk dijual adalah harga subsidi.

"Kita perlu juga bantuan contohnya pihak ANGKASA, SKM (Suruhanjaya Koperasi Malaysia) dan sebagainya," katanya kepada pemberita pada Program

JMKU kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Puyu di sini, semalam.

Pada program berkenaan, pengunjung menikmati diskaun sehingga 20 peratus bagi lebih 80 jenis barangan runcit dan basah terpilih.

Sim berkata, inisiatif itu adalah langkah proaktif bagi membantu meringankan beban kewangan rakyat menerusi penawaran barangan keperluan asas pada harga jauh lebih rendah.

"Di Pulau Pinang, ini program jualan kali ketiga yang sebelum ini di Bukit Mertajam dan kemudian Bertam.

"Ini sebahagian usaha kita yang bukan sahaja membuka peluang usahawan dan koperasi merancang perniagaan tetapi juga untuk membantu masyarakat setempat khususnya golongan B40 dan mungkin M40 berdepan isu kenaikan harga barang," katanya.